

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1: Kesimpulan

Hasil daripada pembentangan yang telah dibuat oleh penulis daripada Bab Pertama sehingga Bab Keempat dalam membicarakan 'Persoalan Targhib Dan Tarhib Menurut Perspektif Agidah Islamiah', maka di sini penulis akan menarik keluar beberapa kesimpulan yang penting, padu dan konkrit mengenainya.

1. Targhib adalah merupakan galakan, motivasi, pendorong dan perangsang kepada umat manusia sejagat dalam bentuk janji-janji baik dan ganjaran pahala kepada orang-orang yang beramal soleh.

Manakala Tarhib pula adalah merupakan ancaman dan peringatan kepada umat manusia dalam bentuk janji-janji buruk dan balasan azab kepada orang-orang yang melakukan dosa dan maksiat.

2. Konsep Targhib dan Tarhib adalah berbeza kerana Targhib adalah dorongan dan perangsang manakala Tarhib pula adalah ancaman dan peringatan. Persamaan di antara kedua-dua

konsep ini adalah dari aspek sumber pengambilannya iaitu Al-Quran dan Hadis. Kedua-duanya juga sama dari segi tujuan ia diperkenalkan kepada manusia iaitu supaya mereka mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T.

3. Pelbagai hikmah dan manfaat boleh diperolehi daripada persoalan Targhib dan Tarhib seperti dapat menggerakkan manusia supaya melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan, menghindarkan diri daripada berputus asa, jemu dan malas untuk melakukan sesuatu atau apabila menghadapi sesuatu ujian, menyedar dan meyakinkan manusia tentang kebenaran hari kebangkitan.

4. Terdapat banyak sekali contoh Targhib dan Tarhib di dalam Al-Quran dan Hadith. Ini termasuklah juga Targhib Maddi Duniawi dan Ukhrawi, gandaan yang jelas terhadap amal dan juga objek penting Tarhib dan Targhib iaitu syurga dan neraka.

5. Jamaah Tabligh dan Al-Arqam adalah di antara jamaah yang ada di Malaysia yang terpengaruh dengan Targhib dan Tarhib. Bagi Jamaah Tabligh pengaruh ini dapat dilihat daripada buku-buku yang menjadi bacaan dan rujukan mereka, pendekatan dakwah dan juga amalan-amalan harian.

Manakala Jamaah Al-Arqam pula, pengaruh ini boleh diperhatikan dalam amalan harian mereka seperti bersugi, wirid, doa, zikir, jubah, serban dan juga 'approach' (pendekatan) dakwah mereka yang membina seseorang dengan Targhib dan Tarhib.

6. Teori Motivasi yang ada di dalam pentadbiran kini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan konsep targhib. Walaubagaimanapun konsep targhib adalah lebih unik kerana ia bukan sahaja mempunyai dorongan material tetapi juga dorongan manusia supaya mendapatkan kejayaan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

7. Targhib dan Tarhib juga mempunyai hubungan yang erat dengan jiwa manusia. Oleh itu jiwa manusia yang mempunyai dua unsur penting seperti naluri dan kecenderungan ini sebenarnya boleh diarahkan kepada matlamat yang luhur sejajar dengan tuntutan Islam.

Dalam rangka usaha penghalaan dan pengarahan ini, maka unsur-unsur Targhib dan Tarhib adalah amat penting.

8. Sebahagian daripada umat manusia seperti golongan Atheis, kafir, munafik, musyrik dan orang-orang Islam yang lemah imannya seringkali menunjukkan sikap negatif terhadap Targhib dan Tarhib dengan melakukan pelbagai maksiat dan dosa meskipun mereka sering mendengar perangsang dan peringatan daripada kitab Allah dan sunnah RasulNya.

9. Kurang atau tidak wujudnya kepekaan terhadap Targhib dan Tarhib adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti keengganan untuk mempercayai perkara-perkara yang ghaib, kebencian yang meluap-luap terhadap agama Allah, terlalu banyak kejahatan yang dilakukan, berpegang kepada agama nenek moyang, cinta kepada dunia dan benci kepada kematian, ilmu pengetahuan yang cetek dan kurangnya kefahaman terhadap agama Allah s.w.t.

10. Ibadah adalah merupakan kepatuhan terhadap segala perkara yang disyariatkan oleh Allah dan melaksanakannya dengan penuh rasa hina dan cinta kepadaNya. Ibadah dalam Islam amat luasnya skopnya, malah semua perbuatan boleh menjadi ibadah setelah memenuhi syaratnya.

11. Ibadah juga mempunyai kaitan dengan Targhib dan Tarhib kerana ibadah yang dilaksanakan adalah hasil rangsangan daripadanya. Walaubagaimanapun, ibadah yang dilakukan semata-mata kerana cinta, kasih dan mencari keredhaannya adalah lebih mulia dan terpuji dari ibadah yang dilakukan untuk mengejar ganjaran pahala ataupun takut kepada siksaannya. Balasan baik atau jahat adalah urusan Allah dan tugas hamba hanyalah mengabdikan diri kepadanya.

12. Aqidah Islamiah yang mantap dan iman yang kukuh bukan sahaja akan memotivasikan seseorang hamba dan menyakini targhib dan tarhib, tetapi juga mampu untuk menterjemah dan merealisasikan keyakinan tersebut dalam bentuk amalan dan tindakan seharian mereka.

13. Aqidah Islamiah adalah merupakan tunjang, penentu dan penilai. Lantaran itu ia adalah asas yang paling konkrit untuk mengimani Targhib dan Tarhib, penentu kepada keimanan dan juga sebagai penilai sejauh mana prestasi keimanan seseorang muslim.

14. Iman dan aqidah adalah merupakan motivasi dalaman paling hebat yang mendorong seseorang untuk bertakwa kepadanya. Keimanan dan keyakinan terhadap Targhib dan Tarhib telah dibuktikan oleh Rasulullah, para sahabat dan para salafussalleh.

15. Selain daripada iman dan aqidah, motivasi dalaman yang lain adalah seperti kesedaran terhadap tugas dan tanggungjawab, ingin mendapatkan pahala dan gerun terhadap azab Allah s.w.t.

5.2: Saranan Dan Cadangan

Ekoran daripada kesimpulan yang lalu, penulis ingin mengungkapkan gagasan-gagasan cadangan yang membina dan saranan-saranan pembaikan kepada semua pihak dalam menghayati persoalan Targhib dan Tarhib ini dalam kehidupan.

1. Semua pihak termasuk para ulamak dan pihak kerajaan, khususnya Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan-jabatan Agama Negeri dan lain-lain mestilah membangkitkan kesedaran dan mengingatkan ummah tentang kepentingan menghayati dan melaksanakan tuntutan Targhib dan Tarhib.

2. Kesedaran terhadap persoalan Targhib dan Tarhib boleh ditiupkan dengan menggunakan pelbagai metodologi dan cara seperti melalui kursus-kursus, majlis-majlis ceramah, kelas-kelas bimbingan, seminar, simposium dan lain-lain pendekatan lagi yang penuh himah dan baik.

3. Umat Islam kini perlu mencontohi tindakan, sikap dan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w, para sahabat dan salafussaleh khususnya di dalam menghadapi persoalan Targhib dan Tarhib. Semua ini boleh dilaksanakan dengan berbekalkan keimanan yang mantap, semangat yang membara, daya juang yang tinggi dan aqidah yang mantap.

4. Seorang juga mestilah menjauhi semua sifat-sifat yang mazmumah, maksiat dan dosa agar hatinya menjadi putih, bersih, bersinar dan sentiasa peka terhadap persoalan Targhib dan Tarhib. Yakinilah bahawa hati yang hitam legam dan diselubungi oleh dosa dan noda akan "membunuh" kepekaan dan sensitiviti seseorang terhadap Targhib dan Tarhib.

5. Individu-individu muslim perlu memperkuat motivasi dalaman masing-masing iaitu iman dan aqidah, supaya dapat dapat menghayati konsep Targhib dan Tarhib di dalam

Al-Quran dan Hadith. Serentak dengan itu menterjemahkan keyakinan tersebut dalam bentuk peribadatan yang hakiki.

6. Umat Islam juga seharusnya sering menilai, memuhasabah dan memeriksa keimanan dan amalan masing-masing. Oleh itu seandainya keimanan dan amalan berada di tahap yang minima, mestilah berusaha untuk mempertingkatkan dan seandainya ia berada di tahap yang maksima maka mestilah ianya dilipatgandakan atau sekurang-kurangnya dikekalkan keadaan tersebut.

7. Seorang muslim harus memahami bahawa terdapat banyak kaedah dan formula yang boleh diamalkan untuk meningkatkan sensitiviti terhadap konsep Targhib dan Tarhib.

Antara kaedah tersebut adalah seperti menambah dan mendalami ilmu pengetahuan, berfikir, berzikir, merasa diri sentiasa di dalam pemerhatian Allah dan bergantung kepada kitab Allah dan sunnah Rasulnya serta berjihad di jalanNya.

8. Persoalan Targhib dan Tarhib bukan sahaja penting untuk difahami dan dilaksanakan menurut perspektif Aqidah Islamiah, tetapi juga perlu dikembangkan lagi kepada aspek-aspek lain seperti dakwah dan pendidikan. Penekanan

juga perlu diberikan kepada kanak-kanak muslim era kini agar generasi akan datang lebih peka dan sensitif terhadap persoalan Targhib dan Tarhib. Bak kata bidalan Melayu "melentur buluh biarlah dari rebungunya".

9. Menyedari kepentingan Targhib dan Tarhib, maka amat wajar sekali seluruh umat Islam bahu membahu dan mengembelingkan tenaga untuk menyebarkan dan memperkembangkan konsep ini bukan saja sesama muslim tetapi juga kepada orang lain seperti golongan Atheis, kafir, musyrik dan munafik.

10. Jamaah Tabligh dan Al-Arqam tidak harus hanya menggunakan uslub Targhib dan Tarhib semasa melaksanakan tugas berdakwah di jalan Allah tetapi juga uslub-uslub lain perlu digunakan dengan penuh hikmah dan bijaksana.

11. Para pemimpin Jamaah Tabligh dan Arqam mestilah memberikan kefahaman yang sebenar tentang iman dan aqidah kepada pendokong dan penyokong masing-masing menjamin peribadatan yang dilakukan adalah benar-benar luhur dan diasaskan oleh perasaan cinta, kasih dan tunduk kepada Allah s.w.t. Dan bukan semata-mata untuk mendapatkan bidadari di syurga dan terselamat daripada azab neraka yang mengerikan dan tragis.

12. Umat Islam kini, khususnya kakitangan dan pentadbir muslim boleh terus mengikuti dan menggunakan Teori Motivasi dalam ilmu pengurusan moden pada hari ini meskipun ianya diperkenalkan oleh sarjana Barat selagimana ia tidak bercanggah dengan prinsip Islam.

Serentak dengan itu umat Islam seharusnya disedarkan bahawa kita umat Islam mempunyai satu teori motivasi yang lebih unik dan unggul iaitu Targhib dan Tarhib.

Penulis mengiringi kesemua gagasan-gagasan cadangan dan saranan yang telah dipaparkan dengan iringan doa restu semoga Allah s.w.t memberikan kekuatan, taufik dan hidayahNya kepada kita semua untuk melaksanakannya.